

Dasar Pengurusan Program Akademik Universiti Malaya

6. Definisi

(3) Ketidakjujuran Akademik

Ketidakjujuran akademik merujuk kepada pemberian gambaran yang salah dengan tujuan untuk menipu atau gagal mengakui sumber asal sesuatu data, maklumat atau apa-apa bahan atau pemalsuan maklumat atau ketidaktepatan pernyataan atau menipu semasa peperiksaan atau ujian atau dalam pelaksanaan apa jua bentuk penilaian atau penggunaan sumber secara tidak betul. Ketidakjujuran akademik boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuk plagiat, maklumat yang dicipta atau disalah ertikan (*deceptive fabrication*) serta apa-apa perbuatan yang membawa kepada pelanggaran harta intelek dan undang-undang hak cipta.

Berikut adalah beberapa bentuk tingkah laku yang berkaitan dengan ketidakjujuran akademik tetapi tidak terhad kepada:

- (a) plagiat - perbuatan seseorang mengguna idea orang lain tanpa menyebut sumbernya;
- (b) petikan palsu - memetik sumber yang tidak pernah digunakan atau mengaitkan hasil kerja dengan bahan rujukan yang tidak dirujuk atau diperolehi sumbernya;
- (c) memalsukan maklumat – melakukan fabrikasi atau perubahan data untuk mengelirukan seperti mengubah data untuk mendapatkan hasil eksperimen yang lebih baik;
- (d) bersekongkol atau bersubahat - menyalin hasil kerja pelajar lain, meminta orang lain menulis tugasan seseorang, atau membenarkan pelajar lain meminjam hasil kerjanya;
- (e) menipu dalam peperiksaan - membawa atau mempunyai akses terhadap buku atau apa jua bahan dalam apa jua bentuk dan format secara tidak sah semasa peperiksaan atau penilaian, atau dalam apa jua tugasan yang akan digunakan oleh pensyarah/tutor/pemeriksa sebagai asas penilaian, dan
- (f) menipu kontrak (*contract cheating*) dan menyamar – hasil kerja pelajar diselesaikan oleh pihak lain, biasanya melibatkan sesuatu bayaran kepada pihak ketiga tetapi akan diserahkan sebagai hasil kerja mereka sendiri.